

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN NIK MOHD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ

TARIKH: 8 JUN 2015

SOALAN:

Tuan Nik Mohd Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran di kalangan graduan institusi pengajian tinggi sejak 2010 sehingga kini.

PR-1332-L69307

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data Kementerian Pengajian Tinggi, statistik terkini jumlah pengangguran graduan institusi pengajian tinggi bagi tahun 2010 hingga tahun 2013 adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 1: Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina.**

2. Bagi tahun 2010, jumlah pengangguran graduan adalah seramai 42,954 orang, manakala pada tahun 2011 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 44,454 orang, tahun 2012 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 51,835 orang dan bagi tahun 2013 jumlah pengangguran graduan adalah seramai 53,282 orang. Berdasarkan statistik, jumlah purata tahunan pengangguran bagi tahun 2010 hingga 2013 di kalangan graduan institusi pengajian tinggi adalah dalam lingkungan 25.0 peratus.

Jadual 1: Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina

TAHUN	Jantina	Belum Bekerja	
		Bil.	%
2013	Lelaki	18,640	-
	Perempuan	34,642	-
	Jumlah	53,282	25.0
2012	Lelaki	17,694	-
	Perempuan	34,141	-
	Jumlah	51,835	25.6
2011	Lelaki	15,657	-
	Perempuan	28,797	-
	Jumlah	44,454	24.0
2010	Lelaki	15,133	-
	Perempuan	27,821	-
	Jumlah	42,954	24.6

Sumber: Tracer Study, KPT